

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Tambahan  
Sidang 1993/94**

**Jun, 1994**

**ATP202 - PENGURUSAN PEMASARAN**

**Jam: [3 jam]**

---

**ARAHAH**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pemetaikan pasaran (market segmentation)?  
(b) Senarai dan bincangkan asas-asas yang boleh digunakan oleh pemasar untuk memetakan pasaran pengguna.

**[20 markah]**

2. Setiap produk akan mempunyai kitaran hayat barang yang berlainan. Kitaran hayat barang ini mempengaruhi kejayaan pemasaran sesuatu produk.  
(a) Apakah yang dimaksudkan dengan Kitaran Hayat Barang?

**...2/-**

- (b) Bincangkan strategi-strategi pemasaran yang perlu dijalankan oleh pemasar disetiap peringkat Kitaran Hayat sesuatu barang.
- [20 markah]
3. Harga sesuatu produk memberi pengertian yang berbeza kepada individu yang berlainan.
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan "harga"?
- (b) Senarai dan bincangkan faktor-faktor dalaman dan luaran yang perlu diambilkira untuk menetapkan harga sesuatu barang.
- [20 markah]
4. Promosi diperlukan untuk memastikan kepekaan ke atas barang di pasaran. Promosi memerlukan belanjawan. Terdapat keadaan apabila hasil promosi tidak setimpal dengan jumlah belanjawan.
- (a) Apakah cara atau kaedah yang boleh digunakan oleh sebuah syarikat untuk menentukan jumlah belanjawan promosi?
- (b) Bagaimanakah keberkesanan promosi di atas boleh diukur?
- [20 markah]
5. Untuk berjaya jurujual-jurujual yang melakukan jualan peribadi perlu memahami pelanggan mereka dan mahir berjurujualan.
- Senarai danuraikan langkah yang perlu diambil oleh setiap jurujual dalam proses jualan peribadi.
- [20 markah]
6. Hashim mahu membeli sebuah komputer peribadi dan memerlukan nasihat dari anda. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Hashim dalam proses membuat keputusan membeli komputer peribadi tersebut?
- [20 markah]

...3/-

7. Terdapat ramai peruncit yang terlibat dalam peruncitan.
- (a) Apakah asas yang boleh digunakan untuk mengkelaskan peruncit-peruncit ke dalam beberapa kategori yang berlainan?
  - (b) Senarai dan bincangkan jenis-jenis peruncit yang terlibat dalam aktiviti peruncitan.
- [20 markah]
8. Gelagat pengguna selalunya tidak dapat dikawal oleh pemasar tetapi dapat diramalkan.
- (a) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat seorang pengguna?
  - (b) Bagaimanakah faktor-faktor tersebut mempengaruhi pengguna?

[20 markah]

---ooo000ooo---